

18/10/2003

Pasangan diraja tulis ungkapan hormat PM

KUANTAN: Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah dan isteri, Cik Puan Muda Julita Aishah Abdul Latif menyertai kempen 'Malay Mail Tribute to Prime Minister' anjuran akhbar The Malay Mail, yang diadakan di kompleks beli-belah Berjaya Megamall, di sini, semalam.

Pasangan diraja itu meluangkan masa hampir 10 minit di kaunter khas yang dibuka di pusat beli-belah itu untuk menulis ungkapan penghargaan yang ditujukan khas kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penghargaan Tengku Muda kepada Perdana Menteri yang bakal bersara mulai 31 Oktober ini digambarkan menerusi tulisannya "Thank you for making us believe in ourselves, the spirit of 'Malaysia Boleh' will always be attributed to you".

Turut menurunkan kata-kata penghargaan dan tandatangan semalam ialah, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Hadir pada majlis ringkas itu ialah, Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Abdul Wahab Mohd Ali; Eksekutif Kanan Pengiklanan The New Straits Times Press (NSTP) Bhd cawangan Kuantan, Mohd Fauzi Hamid; Eksekutif Kanan Penedaran, Nordin Othman; Ketua Biro Berita Harian Sdn Bhd, Zainudin Isa; dan Ketua Biro New Straits Times, Ridzwan Abdullah.

Orang ramai yang berhasrat menyertai kempen itu boleh berbuat demikian di kaunter yang dibuka di ruang legar utama kompleks beli-belah itu, selama tiga hari, berakhir Ahad ini.

Semua ucapan dan kata-kata penghargaan itu akan disiarkan dalam akhbar Malay Mail pada 31 Oktober ini.